

## Tenun Pahang Diraja: Motif Dan Falsafah

**Mas Ayu Zainal @ Ismail**  
UiTM Kedah, Malaysia;  
ayuzainal\_ad@yahoo.com

Nur Hasliza Abdullah  
UiTM Melaka, Malaysia;  
xxhaslizaxx@yahoo.com

### **ABSTRAK**

Reka corak dan ragam hias serta motif yang halus menghiasi kain Tenun Pahang Diraja ini mengandungi makna dan falsafah yang tertentu. Simbol-simbol pada reka corak kain atau tekstil ini menjadi lambang kepada darjat, identiti kaum, kepercayaan, ritual keagamaan dan sebagainya. Masyarakat Melayu dahulu kala begitu arif akan pemilihan dalam penciptaan sesuatu motif yang menghampiri serta amat dekat dengan budaya kehidupan mereka. Ianya diadun bersesuaian dengan adat resam mereka seterusnya menjadikan ia suatu reka corak yang begitu tinggi nilai estetikanya. Ketekunan dalam penghasilan motif dan reka corak ini jelas dapat dilihat melalui penghasilannya yang begitu kaya dengan nilai dan falsafah yang menjadi pegangan nenek moyang sehingga ianya diwarisi dari turun temurun. Makna dan falsafah ini turut menggambarkan keprihatinan dan kehidupan masyarakat Melayu itu sendiri yang begitu dekat dengan penciptanya (Allah s.w.t) seterusnya menjadikan ia salah satu seni tradisi Melayu yang amat unik. Penulisan ini penting di dalam memahami secara keseluruhan serta penterjemahan dengan lebih jelas memandangkan kini kurangnya pendedahan mengenai makna dan nilai-nilai falsafah dalam motif tradisional dan kontemporari seni tenunan ini.

**Kata Kunci:** Tenun Pahang Diraja, Tekstil, Reka Corak, Motif, Falsafah

### **PENGENALAN**

Tenunan mempunyai pengertiannya yang tersendiri. Penggunaan istilah tenunan lebih merujuk kepada cara dan penggunaannya. Istilah atau perkataan tenunan membawa maksud kepada proses mencantum atau menyilang benang-benang untuk menghasilkan kain yang kemudiannya dikenali sebagai kain tenun. Proses ini merangkumi melikas, menerau, mengani, mengatih, menggembar, menjemur dan menyusuk. Proses pembuatan menggunakan teknik jalinan dan sulaman benang ini membuatkan ianya menjadi salah satu seni tradisi warisan yang begitu indah serta halus dan cukup eksklusif berbanding penghasilan seni tekstil yang lain.

Menurut Zulkifly (2006), di dalam penulisannya mendefinisikan tenunan sebagai kaedah atau cara menenun bagi menghasilkan sesuatu barangan tenun, manakala tenun bermaksud barangan yang diperbuat daripada benang. Teknik tenunan juga selalunya dikategorikan sebagai tapestry. Teknik tapestry secara umumnya mempunyai definisi yang sangat meluas dan mencangkupi kebebasan yang terdapat dalam seni fiber.

Seni Tenunan ini merupakan hasil kraftangan yang telah lama berakar umbi dalam masyarakat Melayu. Tenunan tradisional ini juga merupakan hasil kraf yang menjadi keperluan asas kepada masyarakat ketika itu. Namun, kini ia telah dipelbagaikan dengan penghasilan barangan-barangan kraf seperti alas meja, sarung kusyen, bantal dan beberapa barangan penghiasan yang lain. Dahulunya hasil tenunan hanyalah digayakan oleh golongan istana, bangsawan dan orang-orang kenamaan di sesebuah negeri. Kini, ianya kian menjadi tumpuan orang kebanyakan.

## **METODOLOGI**

Penelitian ke atas kajian ini telah dibuat secara kualitatif. Pengumpulan data diambil hasil daripada temuramah, penelitian, dokumentasi yang telah dijalankan di sekitar Bandar Pekan, Pahang yang melibatkan seramai 4 orang pengusaha termasuklah seorang tokoh kain Tenun Pahang Diraja, Nortipah Abdul Kadir. Selain itu, kajian turut dilakukan di Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Kuala Lumpur yang mana melibatkan beberapa individu penting di dalam menyumbang kepada perkembangan dan pemeliharaan seni tenunan ini. Kesemua data serta maklumat diperolehi ini seterusnya dijadikan sebagai suatu kajian yang mendalam ke atas nilai-nilai simbolik dan makna tersirat yang terdapat dalam ragam hias, motif serta corak kain Tenun Pahang Diraja ini.

## **TENUN PAHANG DIRAJA**

Seni penghasilan tekstil berubah mengikut perubahan masyarakat dan budaya samada dari segi penghasilan corak mahupun teknik-teknik yang digunakan. Tenunan merupakan kraftangan tradisional Melayu yang mengandungi nilai-nilai budaya yang tinggi, khususnya dari segi teknik, estetik, aspek-aspek simbolisma dan falsafah yang mendasarinya. Kain tenun dahulunya hanya digayakan oleh golongan istana, bangsawan dan ternama di sesebuah negeri. Kini, biar masih dipandang sebagai fabrik mewah, kain tenun ini turut dipakai oleh orang kebanyakan, malah ia sebenarnya memikat hati semua golongan.

Keindahan kain Tenun Pahang Diraja ini menjadi kebanggaan dan merupakan hasil kraftangan yang paling popular terutamanya dikalangan masyarakat mahupun rakyat negeri Pahang sendiri. Jika diperhatikan, seni tenunan ini hanyalah suatu hasil kain tenun yang biasa, namun disebalik pembuatannya terselindung maksud

yang tersirat. Ianya bukanlah sekadar pakaian, hiasan ataupun kraftangan tetapi mempunyai keunikannya yang tersendiri malahan, turut menjadi lambang kepada budaya, adat resam dan kehidupan dalam sesebuah masyarakat. Sesungguhnya penghasilan tenunan yang diwarisi dari nenek moyang ini teradun kesempurnaan budaya bangsa Melayu dan kerajinan kaum wanita melaksanakan kerja seni kraftangan yang bermutu tinggi. Meskipun telah melampaui abad dan kurun, kegemilangannya tetap unggul, terpelihara hingga kini.

Meskipun zaman sains dan teknologi kini semakin mengambil tempat diserata pelusuk dunia, namun keaslian sutera Tenun Pahang Diraja ini tidak mampu digugat. Bahkan ianya semakin diperindahkan lagi dengan jalinan benang-benang emas berkilauan yang pastinya membuatkan setiap mata terpukau akan kemewahan serta keanggunan si pemakainya. Menurut Buang (2001), di dalam penulisannya menyatakan bahawa penampilan fabrik serta reka corak Tenun Pahang Diraja masih lagi dianggap sebagai salah satu daripada hasil kraftangan bermutu tinggi setanding dengan Songket Terengganu, Songket Kelantan, Telepuk, Limar, Mastuli, Sutera Cina, Sutera India dan Sutera Siam. Kita seharusnya berbangga kerana mempunyai industri kain tenun sutera asli warisan tradisi tinggalan zaman sejak dari abad ke-16 masihi.

### **REKA CORAK DAN MOTIF TENUN PAHANG DIRAJA**

Menurut Zainal @ Ismail (2012), reka corak dan ragam hias yang menghiasi kain Tenun Pahang Diraja ini menonjolkan simbol-simbol sebagai perlambangan kepada maksud tertentu dalam masyarakat tempatan di sekitarnya. Begitu juga keindahan fabrik ini yang tidak dapat dipisahkan dari reka coraknya tersendiri.

Buang (2001), menyatakan bahawa pada dasarnya reka corak yang menjadi pilihan para penenun adalah jalinan tradisi yang dipelopori oleh Tok Tuan Keraing Aji iaitu jaluran berdiri atau melintang. Kemudiannya, kedua-dua reka corak ini mula berubah sedikit demi sedikit berdasarkan kepada permintaan tempahan yang diterima. Kesan daripada pengolahan reka corak lama peninggalan Tok Tuan Keraing Aji serta reka corak pilihan mengikut permintaan, maka lahirlah pelbagai jenis corak jalur serta warna yang lebih menampakkan lagi kemewahan kain tenunan ini antaranya ialah Corak Pahang, Corak Bunga Cengkih dan Corak Biji Peria.

Pernyataan di bawah dipetik dari Zainal @ Ismail (2012), sebagai bukti sejarah asal-usul Tenun Pahang Diraja melalui penulisan dan catatan yang telah dibuat oleh seorang penulis berbangsa Inggeris, Linehan:

“Tok Tuan Keraing Aji seorang pembesar Bugis telah masuk ke Pahang pada tahun 1722, beliaulah yang memperkenalkan kain tenunan tangan ini kepada penduduk negeri Pahang, khususnya bagi penduduk di daerah Pekan.”

Perubahan kepada reka corak dan motif kain Tenun Pahang Diraja berlaku dengan begitu pesat sekitar abad ke-19 masihi. Malahan dikalangan orang istana, orang-orang besar serta kenamaan yang banyak memberi sumber inspirasi kepada perubahan reka corak ini. Reka corak yang dihasilkan kelihatan lebih menampakkan lagi keindahan ke atas kain tenun ini. Ianya bukan sahaja bersesuaian dengan kehendak serta permintaan masyarakat pada ketika itu, namun ia turut dipadankan dengan nama seseorang individu bagi memudahkan lagi motif tersebut untuk diingati seperti Corak Datuk Bandar dan Corak Tok Muda. Keindahan warna serta serat sutera halus yang terpancar di dalam kain tenunan ini menjadi perhatian sehinggakan mampu menarik minat golongan yang berada.

Bachik, Parbiyah. (sesi temuramah, 2008), menyatakan bahawa kain Tenun Pahang Diraja adalah hasil daripada jalinan tenun benang pakan dan loseng yang berwarna. Terdapat juga benang emas yang diletakkan sebagai pengapit di antara motif jalur atau garis kecil bagi menyerlahkan lagi keindahan dan kemewahannya. Sarung tenun bercorak pula dibahagikan kepada kain bercorak melintang, memanjang, ragi, corak Rawa atau Bugis dan corak Muar. Selain itu juga, terdapat penggunaan benang emas yang menghasilkan motif garis halus atau kesan bunga-bunga kecil meghiasinya.

Di dalam penciptaan ragam hias, kain tenun ini dikategorikan dalam bentuk yang paling sederhana. Ragam hiasnya hanyalah terdiri daripada sorak dan sedikit motif yang terselit dengan benang emas.

Pemilihan di dalam penghasilan reka corak dan motif kain Tenun Pahang Diraja terbahagi kepada dua iaitu tradisional dan kontemporari, antaranya ialah Corak Tubok Sekampung, Corak Selumbar Nibong, Corak Pahang, Corak Tun Razak, Corak Tengku Ampuan dan Corak Datuk Bandar. Walaubagaimanapun, Tenun Pahang Diraja mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Keistimewaan bahkan keunikan kain tenun ini ditonjolkan melalui jejalur halus sepiit udang yang merupakan identiti dan elemen terpenting di dalam penghasilan tenunan ini. Jejalur halus sepiit udang ini membezakan Tenun Pahang Diraja mempunyai keunikannya yang tersendiri berbanding dengan tenunan yang sedia ada.

Keunikan kain tenun ini juga turut diterjemahkan oleh Abdul Kadir, Nortipah. (sesi temuramah, 2008), Tokoh Tenun Pahang Diraja:

“...tidak seperti batik sutera Kelantan dan songket Terengganu, Tenun Pahang Diraja dihasilkan sepenuhnya menggunakan tenunan tangan.”

## **FALSAFAH DAN MAKSUD REKA CORAK DAN MOTIF TENUN PAHANG DIRAJA**

Bachik, Parbiyah. (sesi temuramah, 2008), menyebut bahawa falsafah dan maksud yang tersirat disebalik reka corak- reka corak yang digunakan ke atas kain


Tenun Pahang Diraja ini mempunyai kaitannya dengan kehidupan masyarakat Melayu di ketika itu khususnya yang merangkumi segala aktiviti dan rutin harian mereka. Reka corak ini diolah dan diadaptasikan di dalam bentuk geometrik sepertimana yang ditonjolkan pada kain tenunan ini. Tambah beliau lagi, usaha pengkomersialan tenunan ini dipelbagaikan lagi dari segi reka corak dan fesyen yang dirintis oleh pihak kraftangan.

Pernyataan di atas disokong oleh Abdul Kadir, Nortipah. (sesi temuramah, 2008), yang mengakui bahawa penggunaan ataupun pemilihan terhadap setiap reka corak adalah berdasarkan kepada pemerhatian dan pengamatan masyarakat terdahulu terhadap keadaan sekeliling. Masyarakat Melayu terdahulu bukan sahaja mahir dan peka di dalam industri tenunan ini, malahan mereka juga cukup kreatif di dalam menghasilkan reka corak dengan pelbagai variasi yang begitu unik dan indah buaatannya sehingga ia masih lagi kekal sebagai warisan seni bangsa yang tidak lapuk dek zaman.

## **Tradisional**


Berikut nilai-nilai falsafah dan maksud reka corak dan motif tradisional:

**Gambar 1.1 Corak Tubok Sekampung  
Daripada: Buang (2001)**




Jejalur halus sepiit udang bertindihan di antara satu sama lain. Pembahagian warna benang memerlukan penelitian dan kecekapan seseorang penenun. Jejalur halus sepiit udang ini merupakan elemen terpenting di dalam membezakan kain tenunan ini berbanding tenunan yang sedia ada.

**Gambar 1.2 Corak Selumbar Nibong  
Daripada: Buang (2001)**




Jalur pengapit yang terdapat pada rekaan kain tenunan ini membahagikan ia kepada dua warna bertentangan. Keseriannya tampak jelas pada motif selumbar yang terkandung di dalam jalinan serat dan benang yang telah dijalin halus.

**Gambar 1.3 Corak Pahang  
Daripada: Buang (2001)**




Pemilihan warna yang digunakan hendaklah tidak melebihi daripada dua dan hanya muka kain yang menjadi penyeri tenunan ini. Jalur pengapit di tengah menyerlahkan lagi reka corak kain ini dan ianya masih diminati sehingga ke hari ini. Warna hitam dan putih melambangkan bendera Negeri Pahang Darul Makmur yang berdaulat.

**Gambar 1.4 Corak Batang Pinang  
Daripada: Buang (2001)**




Corak ini diperhalusi lagi dengan jalinan benang emas. Sentuhan Limar pada kaki kain bersilangkan dengan warna kuning. Reka corak ini jika diteliti seakan-akan batang pinang yang tegak berdiri. Kebiasaannya reka corak ini menjadi pilihan golongan atasan.

**Gambar 1.5 Corak Bunga Cengkih  
Daripada: Buang (2001)**



Jejalur halus dan kasar dengan motif bunga cengkih berwarna keemasan yang mempersonakan menghiasi kain tenun ini.


**Gambar 1.6 Corak Anak Lebah  
Daripada: Buang (2001)**



Sebanyak 20 jalur kasar dan halus menyerikan permukaan kain tenun ini dengan empat pilihan warna benang yang berbeza. Jika diteliti ia seperti sekumpulan anak lebah sedang merayap dan bersembunyi disebalik serat.

## **Kontemporari**


**Gambar 1.7 Corak Tun Razak  
Daripada: Bachik, Parbiyah. (sesi temuramah, 2008)**






Kehalusan reka corak dan jalinan warna yang beraneka menunjukkan kepermaian tersendiri. Mengatur corak sebegini rupa memerlukan ketekunan serta penelitian penenun mahir. Paduan warna gemilang mencerminkan kewibawaan yang unggul.

**Gambar 1.8 Corak Tengku Ampuan  
Daripada: Buang (2001)**




Paduan warna merah, kuning, hijau, kesumba dan putih serta jalinan jalur menonjolkan lagi kemewahan reka coraknya. Kemewahan yang cuba ditonjolkan ini bersesuaian dengan kedudukan Yang Amat Mulia Tengku Ampuan Mariam yang merupakan pendorong kepada perkembangan kain Tenun Pahang Diraja ini.

**Gambar 1.9 Corak Tok Muda  
Daripada: Bachik, Parbiyah. (sesi temuramah, 2008)**



Pemilihan warna yang digunakan ke atas kain tenun ini mampu menarik perhatian sesiapa sahaja. Reka corak ini digemari dikalangan orang-orang besar istana.


**Gambar 2.0 Corak Orang Kenamaan  
Daripada: Buang (2001)**






Reka corak ini dikatakan amat digemari oleh golongan istana dan orang-orang besar negeri. Jalinan warna bagaikan pelangi, redup dan bercahaya. Pemilihan warna-warna seperti ini melambangkan ketenangan kepada si pemakai

**Gambar 2.1 Corak Datuk Bandar  
Daripada: Buang (2001)**




Reka corak ini memaparkan kewibawaan dan kesederhanaan sikap si pemakai. Warna coklat, kuning muda, biru dan kelabu menyatukan jejalur sutera membuatkan ianya menarik di pandang.

**Gambar 2.2 Corak Datuk Bandar  
Daripada: Buang (2001)**




Bukan mudah untuk menghasilkan reka corak seperti ini. Ketekunan dan kemahiran penenun amat dititikberatkan. Tapak catur adalah di antara rekaan yang paling digemari oleh kaum wanita. Ianya sesuai dipadankan dengan baju kurung tanpa corak ataupun baju kurung kedah daripada kain kosong.

**Gambar 2.3 Corak Mengiring**  
**Daripada: Buang (2001)**




Warna merah dan hijau melintang dipanggil jalur besar, mengiringi dua warna dasar ialah jejalur kecil manakala jalur halus berwarna pelangi. Kilauan sutera bersama paduan warna yang selari menjadikan kain ini bermutu tinggi.

**Gambar 2.4 Corak Belah Buluh**  
**Daripada: Buang (2001)**




Reka corak ini melambangkan keutuhan serta kukuhnya sifat yang terdapat pada buluh itu sendiri. Ia diserikan lagi dengan empat jalur melintang yang berwarna ungu dan hitam, membuatkan ianya tidak jemu dipandang.

**Gambar 2.5 Corak Dato' Mahmud Mat**  
**Daripada: Bachik, Parbiyah. (sesi temuramah, 2008)**




Paduan warna-warnanya melambangkan siri kesempurnaan dan ketelitian. Reka corak ini amat digemari oleh Dato' Mahmud bin Mat iaitu Pembesar Negeri yang terkenal sebagai pemimpin bestari.

**Gambar 2.6 Corak Pucuk Rebung**  
**Daripada: Buang (2001)**



Di dalam reka corak ini beberapa warna telah diserasikan. Jika diamati, terdapat jalinan anak lebah di permukaan kain tenun ini. Kedudukannya yang mengarah ke atas dengan besar dibahagian bawahnya dan runcing di atas menunjukkan hierarki kedudukan manusia yang rendah dan menuju ke pencipta alam yang tinggi dan mulia di atas.

**Gambar 2.7 Seluang Mudik**  
**Daripada: Buang (2001)**



Jejalur halus keemasan memantulkan lagi seri cahaya. Sentuhan seni yang halus buatannya bagaikan alunan ombak sedang berirama di tengah lautan biru. Anak-anak seluang berlompatan sambil sambil mudik ke hulu Sungai Pahang yang kebiasaannya selepas banjir berlaku.

## **KESIMPULAN**

Masyarakat Melayu sentiasa berusaha dan berpegang teguh kepada prinsip dan ajaran agama Islam di dalam menghasilkan reka corak dan motif pada permukaan kain Tenun Pahang Diraja ini. Motif alam semulajadi seperti flora dan geometrik masih menjadi pilihan sehingga kini. Oleh kerana masyarakat Melayu

pada masa dahulu kebanyakannya mendiami kawasan-kawasan pendalaman, mereka lebih terdedah kepada unsur-unsur tumbuh-tumbuhan, dedaun, pokok-pokok dan bunga-bunga yang terdapat di sekeliling mereka.

Motif fauna juga turut digunakan, namun penggunaan motif ini tidak secara menyeluruh. Sebaliknya mereka hanya menggunakan sebahagian daripada anggota binatang dan diolah serta digayakan dengan pelbagai variasi. Ini kerana menurut ajaran Islam, lambang atau bentuk objek yang menyerupai bentuk binatang ataupun unsur-unsur bernyawa di larang sama sekali digunakan dalam apa jua bentuk perhiasan kecuali ianya telah diolah dan bukan secara terangan. Memetik penulisan Zainal @ Ismail (2012), ada menyebut seluruh corak kehidupan termasuklah adat resam Melayu telah dipengaruhi oleh Islam seawal kedatangan agama tersebut ke Tanah Melayu. Pernyataan beliau turut dikongsi melalui catatan Winstedt (1961) bahawa:

"For more than five hundred years Islam has integrated Malay Culture. In theory the Malay has no ideals of truth, beauty or goodness that lie outside the tenets of his faith, though in fact those ideals are encrusted with the debris of earlier beliefs and are being transformed, however gradually by the non-sectarian altruism and secular humanism of the west."

Dalam aspek pemilihan warna pada setiap rekaan reka corak tersebut banyak bergantung kepada kesesuaian motif dan melambangkan simbol dan status seseorang. Penggunaan benang emas amat dititiberatkan bagi memperindahkan lagi seni tradisi ini. Perubahan pada reka corak kontemporari banyak dipengaruhi oleh permintaan dan tempahan-tempahan yang diterima seterusnya diadun mengikut kesesuaian warna yang diinginkan.

Meskipun seni tenunan ini wujud sejak berabad lamanya dan mengalami pelbagai pengaruh sentuhan moden selaras dengan perubahan zaman, namun para penenun masih lagi mengekalkan corak tradisional sebagai lambang keaslian yang masih wujud dan unik untuk dibanggakan.

## **RUJUKAN**

### **Buku**

Abd. Manaf, Sahaimi et al. (2006). Tenun Pahang. Kuala Lumpur: Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.

Buang, Rafeah. (2001). Kain Tenun Pahang. Pahang: Lembaga Muzium Negeri Pahang.

### **Jurnal**

Zainal @ Ismail, Mas Ayu., Abdullah, Fadilah. (2012). Tenun Pahang Diraja. Voice of Academia, Volume 7, No. 1. Kedah: Universiti Teknologi MARA.

### **Tesis**

Zulkifly, Noorliza. (2006). Inspirasi Kesenian Songket Terengganu dalam Seni Fiber. (Penulisan Sarjana Muda Tiada Penerbitan). Shah Alam: Universiti Teknologi MARA